

**Makalah / Article**

**Sains Keterlestarian Mengikut Perspektif Melayu Pra-Islam dan Melayu Islam**

**Sustainability Science in Pre-Islamic Malay and Islamic Malay Perspective**

SHAHARIR MOHD ZAIN

ABSTRAK

*Tabii bidang ilmu keterlestarian dikaji daripada sudut etimologi perkataan lestari dan sustain itu. Kajian etimologi ini dipadankan dengan makna sepintas lalu ilmu-ilmu lain yang membayangkan kewujudan ilmu-ilmu itu di dalam ilmu keterlestarian sambil membongkar perbezaan semantikanya. Oleh sebab ekonomi dan matematik kini juga berada di dalam wacana keterlestarian, maka perincian asal mula ilmu ekonomi dan matematik di dalam tamadun Malayonesia dan Barat-Inggeris termasuk etimologi dua ilmu ini dipaparkan dengan tujuan memperlihatkan perubahan makna dan skopnya ilmu-ilmu ini di dalam alur sejarahnya yang memang akrab pula dengan perubahan tabii sains keterlestarian. Sehingga kini ditunjukkan yang nyatanya ekonomi dan matematik kini tidak mampu meleraikan isu-isu yang ada di dalam konsep keterlestarian. Ini membawa kepada isu keperluan memperbaiki takrif dan teori ekonomi dan matematik di samping keperluan memperbaiki lagi takrif keterlestarian.*

*Kata kunci: Keterlestarian, etimologi, sifat ekonomi, sifat matematik, kajian ketamadunan*

ABSTRACT

*The nature of science of sustainability is studied based on an etymological study of the Malay word lestari and the English word sustain. The results are confronted with the meaning of present knowledge and scope of the subject and highlighted their differences. Since ekonomi/economics and matematik/mathematics have been involved deeply in sustainability, the historical development of the meanings and scopes of the two sciences are also examined both in the Malayonesian and the Anglo-Western civilization which include the etymological study of the two sciences. The purpose is to show the changing nature of their respective meanings and scopes of the two subjects and hence closely related to the nature of the science of sustainability. Until now, it is shown that the present economics and mathematics could not resolve issues in the sustainability. This lead to a need for a better definition and formulation of economic and mathematical theories geared towards a better definition of sustainability and hence hopefully resolve many existing issues in the letter subject.*

*Keywords: sustainability, etymology, the nature of economics, the nature of mathematics, civilizational studies*

**PENGENALAN: ASAL USUL KATA  
KETERLESTARIAN**

Perkataan LESTARI ialah kata asli bahasa Jawa yang bermakna “selama-lamanya, tetap, kekal, abadi”. Demikian pendapat ahli bahasa Indonesia Poerwadarminta yang dipetik oleh Bani Noor M. & Ira Mentayuni (2004). Ini bermakna lestari amatlah asli, dan boleh dianggap juga asli Melayu kerana bahasa Jawa adalah rumpun bahasa Melayu atau di dalam makalah ini, Malayonesia. Ini menambahkan satu lagi perkataan asli dalam bahasa Melayu, yang bermitos kononnya perkataan Melayu asli hanyalah tiga patah sahaja iaitu tanah, besi dan babi yang masih dipegang oleh ramai “intelektual komprador” Melayu sendiri. Sebenarnya perkataan Melayu asli untuk kata bilangan “satu hingga sepuluh” sahaja pun sudah

menyangkal fitnah, pembohongan dan penghinaan kepada bahasa Melayu itu!. Mengikut kamus muktabar Melayu, *Kamus Dewan* (KD) dan *Kamus Besar Bahasa Indonesia* (KBBI), memang itu pun makna lestari, sama dengan yang diperkatakan oleh Bani Noor & Ira Mentayu di atas, cuma tiada cerita asal usulnya sahaja. Oleh itu keterlestarian bermakna kebolehan bertahan selama-lamanya, kebolehan tetap tidak berubah seperti asalnya dan sebagainya. Di dalam KD dan KBBI memang tiada perkataan keterlestarian tetapi ada kelestarian yang tentunya membawa makna yang agak berbeza sedikit kerana tiada imbuan ter- itu. Segi peranan imbuan keter-an seperti dalam keterbacaan, keterbelaan, ketersukatan, ... keterlestarian bermakna “keadaan boleh/mampu/dapat di-kan” Oleh itu;

keterlestarian = kebolehlestarian = keadaan boleh dilestarian.

Istilah yang kurang tepatnya, bagi menggantikan ‘lestari’, tetapi yang selalu juga dipakai ialah ‘mapan’ (ada dalam KD dan KBBI), ‘mampan’ (tiada dalam KD dan KBBI; dianggap salah sebut atau salah morfologinya oleh penyusun kamus tersebut), atau ‘mempan’ (ada dalam KD & KBBI).

Perkataan ‘mapan’ bermakna ‘bangun teguh/kukuh; mantap/stabil pada kedudukan atau kehidupan’ yang padanan bahasa Inggerisnya *establish*. Akan tetapi ‘kemapanan’ bermakna “kepuasan dengan diri sendiri” (mengikut KBBI); dan “keadaan mantap” dan sebagainya (mengikut KD). Oleh itu “mapan” memang ada unsur-unsur kesamaan dengan lestari, namun lestari tetap lebih tepat lagi dengan yang dikehendaki oleh mereka yang terlibat dengan bidang ini. Sebabnya, lestari itu lebih luas maknanya daripada mapan, iaitu lestari boleh mengimplikasikan mapan tetapi tidak sebaliknya. Lebih-lebih lagi ‘kemapanan’ itu mengalami ideosinkronisasi bahasa setaraf dengan ‘kecapaian’ dan ‘kemaluan.’ Oleh itu, ‘kemapanan’ tidak lagi semestinya membawa maksud kelestarian (keadaan lestari) pun, apatah lagi keterlestarian.

Perkataan “mempan” bermakna lut = tak kebal; mujarab, dapat terima nasihat. Setiap satunya memang tiada hubungan dengan “lestari” dan memang tiada yang memakainya untuk tujuan bidang ini. Namun perkataan “mampan” yang begitu popular yang mula diperkenalkan di Malaysia ini oleh Anuar Ibrahim di dalam ucapan belanjawan Malaysia dalam tahun 1990-an dengan makna lestari itu nampaknya amat sukar dipadamkan. Oleh itu DBP perlu memasukkan perkataan ini dalam KD suntingan baharunya nanti dengan merakamkan maknanya sambil menyatakan kesilapan pengambilan perkataan ini lalu menyatakan “lihat lestari” sebagai menunjukkan lestari lah yang patut digunakan.

Contoh kesalahan yang agak baharu dalam pemakaian ‘mampan’ dan ‘lestari’ ialah di dalam makalah Fatimah Fauziah (2007) yang dibentang di *Seminar Kebangsaan Geografi 2007*. Judul makalah ini menggunakan ‘lestari,’ iaitu “pelancongan lestari” tetapi di dalam pendahuluan makalahnya mereka nampaknya masih menganggap lestari = mampan sehingga muncul ungkapan “lestari atau mampan.” Mereka juga tidak menggunakan perkataan yang lebih tepat lagi, “terlestarikan” dan “keterlestarian” bagi menggantikan kebanyakan “lestari” dan “kelestarian” yang mereka pakai di dalam makalah itu.

Ada penulis Indonesia yang memakai istilah “berkelanjutan” bagi maksud “terlestarikan” (“boleh dilestarikan”) itu tetapi kegunaan ini dianggap juga tidak tepat berbanding dengan kata akar “lestari” yang menerbitkan “terlestarikan” itu seperti yang dibicarakan oleh M. Kusumawijaya di dalam *Tempo* (14-20 Disember 2009) yang juga ada di internet. Pendeknya, istilah lestari memang amat sesuai dipadankan dengan *sustain*; terlestarikan = *sustainable*; keterlestarian = *sustainability*; dan kelestarian = *sustenance*.

Mengikut kamus etimologi Inggeris di Internet, perkataan *sustain* Inggeris ada hanya sejak abad ke-13 M dan berasal daripada Latin *sustinere* yang bermaksud tahan mengikut pengertian *hold up, support*, atau *endure*; *sustainable* muncul dalam abad ke-16 M dengan maksud tertanggungkan/*bearable*; *sustainable* dengan makna boleh bertahan/*defensible* muncul dalam pertengahan abad ke-18 M; dan seterusnya berubah lagi maknanya kepada “boleh terus-menerus bertahan pada aras tertentu” sejak abad ke-19 M. Pada tahun 1960-an terbitlah *sustainable growth*, iaitu pertumbuhan boleh terus-menerus bertahan pada aras tertentu; dan seterusnya, dalam tahun 1970-an, muncullah perkataan *sustainability*, iaitu kebolehan terus-menerus bertahan pada aras tertentu.

Jelaslah bahasa Melayu, lestari, jauh lebih awal wujudnya berbanding dengan bahasa Inggeris, *sustain*. Maknanya pun agak berbeza, iaitu “*sustain*” tiada jelas peranan masanya tetapi “lestari” itu selama-lamanya.

Pada zaman pra-Islam dahulu makna lestari itu besar kemungkinannya menjadi istilah yang dipengaruhi oleh ajaran Hindu-Buddha. Dalam ajaran Buddha, yang tentunya diamalkan oleh Malayonesia (Nusantara, Alam Melayu, atau Pascabima) pra-Islam, ada tiga amalan yang membawa unsur ke arah makna terlestarikan, iaitu amalan “ke arah kelestarian tertib/tatanan Alam”: *yoga, bhakti* dan *dharma*. Perkataan *yoga* dan *yogi* bagi Melayu pra-Islam amat tidak asing, bahkan ada di dalam *Hikayat Raja Pasai* (dianggap manuskrip Melayu-Jawi tertua yang ada, iaitu karya sekitar abad ke-16 M), dan pengaruh amalan *yoga* memang ada di dalam sesetengah amalan tariqah (sufi di Malayonesia) seperti dalam *tariqah syatdariyaht* yang terkenal di kalangan ulama rantau ini dalam abad ke-17 M hingga ke-18 M. (Lihat umpamanya manuskrip MS1659 di Perpustakaan Negara Malaysia). *Yoga* ialah amalan rohani, jasmani dan mental Hindia Purba (Hindu) yang bertujuan mencapai tahap kebahagiaan dan keamanan jiwa seseorang. *Bhakti* dalam Hinduisme bermakna curahan jiwa-raga dengan penglibatan yang aktif kepada Tuhan (Dewa). Kemudian *bhakti* menjadi suatu cara pengabdian diri kepada Tuhan Hindu. Setelah Islam bertapak di Malayonesia perkataan *bhakti* (kita dieja bakti) dikekalkan tetapi berubah maknanya dengan tidak lagi merujuk kepada apa-apa tuhan, bahkan tiadalah lagi istilah berbakti kepada Tuhan/Allah. Yang ada ialah berbakti sesama manusia, institusi, dan negara. Perkataan *dharma* di sini bermakna hukum alam atau tabii; atau mengikut ajaran Buddha, antara lainnya, bermaksud “menjalankan tugas dan tanggungjawab yang sepatutnya, pembawa kebaikan” (ini maklumat di internet). Makna *dharma* yang terakhir inilah yang dibawa masuk ke dalam bahasa Melayu hingga kini dengan ejaan bakunya/piawainya kini “derma” itu, tetapi dengan semantik baharu tentang tugas, tanggungjawab dan kebaikan mengikut perisa ajaran Islam. Apa pun “derma” masih berbeza maknanya dengan ajaran Islam yang dibawa oleh perkataan sedekah (daripada *shadaqah*),

umpamanya tiada siapa pun yang menterjemah “derma jantung” dengan “sedekah jantung,” dan “sedekah jariah” dengan “derma jariah.” Di dalam ajaran Hindu-Buddha ada istilah *bhakti-yoga* mengikut pengertian *bhakti* itu satu daripada empat cara amalan *yoga* (tiga lagi, selain daripada *bhakti*, ialah *jnana*, *karma* dan *raja*; *jnana* ialah ilmu pengetahuan, bijaksana, introspeksi dan kontemplasi, *karma* ialah tindakan dan khidmat kepada orang lain, *raja* ialah kaedah komprehensif yang menekankan kepada meditasi – maklumat di internet). Akan tetapi di dalam bahasa Melayu kini tiadalah ungkapan *bhakti-yoga* atau *jnana-yoga*, dan sebagainya itu; yang ada ialah ciptaannya sendiri pula, derma-bakti yang bermakna derma yang tulus ikhlas, khusus untuk sesuatu matlamat yang dianggap murni.

Mengikut ajaran Buddha jugalah, *dharma* (Sanskrit) atau *dhamma* (Pali) bermakna, antara lainnya, keadaan Alam Tabii seadanya, dan Hukum Alam Tabii seluruhnya. Jelas dalam konsep *dharma* ini membawa makna sesuatu yang melestarikan alam semesta ini. Konteks *dharma* inilah yang ada unsur keterlestarian itu dalam konteks lingkungan atau alam sekitar dan ekologi. (Sumber: [http://en.wikipedia.org/wiki/Dharma\\_\(Buddhism\)](http://en.wikipedia.org/wiki/Dharma_(Buddhism))).

Seperti yang disebut sepintas lalu sebelum ini, begitu juga *bhakti* yang sangat intim dengan Tuhan dalam Hindu atau Buddha yang didukung oleh Malayonesia pra-Islam yang kemudiannya diteruskan pemakaian istilah itu apabila mereka memeluk Islam sehingga kini menjadi “bakti” itu tidak lagi berkonotasi ketuhanan tetapi lebih kepada sesama manusia sahaja. Pendeknya penggunaan dalam bahasa Melayu klasik (pasca-Buddha) ialah “berbakti kepada nusa dan bangsa”; berbakti kepada keluarga, ibu-bapa, ... tetapi tiada ungkapan “berbakti kepada Tuhan/Allah.” Dalam tamadun Melayu Campa (abad ke-2 hingga ke-15 M (walaupun kerajaannya wujud sehingga abad ke-19 M di bawah naungan Perancis di Vietnam)) ada kelas ilmu yang dinamai *dharmasastera*, iaitu berkenaan dengan hubungan kemanusiaan (kepermerintahan, kepengurusan dan kepemimpinan). Sejauh mana ilmu ini berkait dengan keterlestarian akan diselidiki dan dibentangkan di dalam Kuliah Kedua dalam Siri Wacana ini.

Perkembangan *yoga* di Malayonesia sendiri menarik. Sebuah mazhab *Yoga* yang berpengaruh dan turut dibangunkan dan dikembangkan oleh 3-serangkai Sarjana Malayonesia (Funan) abad ke-6 M dahulu, bernama Madrasena-Samghapala-Paramartha, ialah *Yogacara* (mazhab Buddha *Mahayana*). Sarjana Barat memadankan *Yogacara* dengan dua falsafahnya yang terkenal, idealism dan fenomenologisme. Satu daripada ajaran mazhab ini ialah *madyamaka* yang menganjurkan antara lainnya supaya “mengambil jalan tengah” mungkin ajaran inilah juga yang menerbitkan pepatah Melayu, “Buat baik berpada-pada...” itu (jika pepatah ini wujud sebelum Islam lagi). Apa pun konsep ini mungkin mempengaruhi raja-raja Malayonesia pra-Islam memerintah tanah jajahan takluknya dengan mewujudkan suasana terlestarikan.

Ini suatu spekulasi yang diharap dapat dikaji lagi dan dibentangkan di dalam siri Wacana ini kelak. Dalam buku *Hikayat Raja Pasai* yang ditulis dalam abad ke-16 M, ada dinyatakan seorang *Yogi* (pengamal *Yoga*) datang ke Pasai (Aceh sekarang) untuk beradu kekuatan dengan orang kuat raja Pasai (abad ke-14 M). Ini menunjukkan *Yoga* tidak asing di Malayonesia. Bahkan sebuah *tariqaht* yang berpengaruh di Malayonesia sebelum abad ke-19 M, bernama *syatdariyah*, antara lainnya ada menggunakan teknik pernafasan *Yoga* dalam amalan wiridnya seperti yang digambarkan di dalam sebuah manuskrip Jawi bertarikh pertengahan abad ke-18 M yang tersimpan di PNM, *Mukhtasar ‘Amalan Tdariqaht al-Sathariyaht*, di dalam Manuskrip berkod MS1659.

Mengikut ajaran Hindu, apa jua perbuatan manusia yang bertujuan mendekati Tuhan ialah *dharma* dan lawannya *adhharma*. Mengikut *Bhagavat Purana* (teks kesusasteraan Hindu yang memfokuskan pada *bhakti* kepada inkaranasi Vishnu), laluan *dharma* ada empat aspek: keberjimatan (*tap*), ketulenan/ketulusan (*shauch*), belas kasihan (*daya*) dan keikhlasan (*satya*); dan laluan *adhharma* yang tinggi tahapnya ialah kesombongan (*ahankar*), hubungan (*sangh*), dan kemabukan (*madya*). Jelaslah *dharma* dalam Hindu ada unsur keterlestarian darp segi etika.

Sejauh mana ajaran Hindu dan Buddha diamalkan dalam konteks yang boleh ditafsirkan sebagai keprihatinannya kepada keterlestarian oleh para pemimpin (Raja) Malayonesia pra-Islam akan dikaji dan diharap dapat dibentangkan di dalam wacana yang akan datang.

Segi bahasa, Melayu dan Inggeris, keterlestarian (pra-Islam) dan *sustainability* itu sudah pun ada sedikit perbezaan yang agak bermakna juga, iaitu dalam bahasa Melayu pra-Islam itu ada unsur selama-lamanya (kerana falsafah Hindu dan Buddha agaknya) tetapi yang dalam bahasa Inggeris itu hanya setakat yang terhingga sahaja (mungkin dipengaruhi oleh ajaran Kristian tentang adanya kiamat, iaitu sama dengan Islam). Dalam konteks bahasa Melayu klasik (dipengaruhi Arab dan Islam) dan bahasa Melayu Moden (yang dipengaruhi Barat-Kristian) keterlestarian sama maknanya dengan *sustainability* abad ke-19 M itu. Kedua-duanya tiadalah makna keterlestarian itu yang bermaksud keadaan yang “bertambah baik,” iaitu hanya dalam keadaan yang tidak berubah-selama-lamanya sahaja tetapi tidak pernah bertambah baik daripada sebelumnya pada bila-bila masa pun. Oleh itu, secara intuitifnya keterlestarian, mengikut pengertian bahasa, mungkin tercapaian menerusi pemakaian sumber kehidupan dengan cermat, berhemat, ..., yang sebaik mungkin atau secara yang terbaik. Segi keterlestarian yang diinginkan sewajarnya, maknanya ditambah keadaan dalam aspek kelak itu, iaitu bukan sekadar dapat bertahan tetapi berkemungkinan lebih baik lagi keadaannya. Itu pun takrif bidang ini sejak 1980-an dahulu hingga sekarang, cuma yang dipertikaikan oleh mereka yang insaf akan kebudayaannya sendiri ialah

makna “sumber kehidupan,” “cermat,” “berhemat,” ..., dan “secara yang terbaik” itu. Ini dibicara kemudian lagi. Untuk kini, daripada pertimbangan bahasa dan kehendak umum ini pun sudah jelas sifat keinterdisiplinan ilmu ini, iaitu bersabit dengan perangai/telatah/kelakuan/tingkah laku manusia/insan, adab/etika/moral, aksiologi (termasuklah makna cermat, berhemat,...terbaik itu), agama, falsafah, penggunaan/konsumsi, pengurusan, hubungan manusia dengan sumber (alam sekitar, kosmos, makhluk), ekologi, fizik (sumber = tenaga = jirim = jisim), kejuruteraan, ekonomi, dan matematik (bukan sekadar adanya matematik dalam bidang-bidang yang disebut sebelum ini seperti fizik, kejuruteraan ekonomi dan pengurusan sekarang). Perihal keterlibatan ekologi, alam sekitar dan ekonomi dalam keterlestarian mungkin lumrah diketahui umum tetapi sejauh mana kejituannya ilmu-ilmu ini dengan matlamat yang hendak dicapai oleh ilmu keterlestarian itu mungkin tidak begitu diketahui atau dikupas dengan cukup kritisnya. Apatah lagi dengan kesalahanggapan atau kesalahandaian terhadap peranan matematikanya. Inilah yang akan dibicarakan lagi di bawah ini.

#### ASAL USUL ILMU EKONOMI MELAYU BERBANDING DENGAN EKONOMI BARAT

Ekonomi (dianggarkan muncul dalam bahasa Melayu dalam tahun 1950-an; sebelum ini orang Melayu ada istilah lain yang dijelaskan kemudian) ialah daripada kata Inggeris *economy* (1530-an) dan *economics* (1830-an). *Economy* daripada Latin: *oconomia* daripada Yunani: *oekonomia* yang bermaksud pengurusan rumah tangga. Ini sama sahaja yang berlaku dalam Tamadun Islam yang diwarisi oleh Tamadun Melayu atau amnya Malayonesia sekurang-kurangnya sejak abad ke-13 M. Malah sebelum pengaruh Inggeris, bahasa Melayu Klasik ilmu ini ialah *iqitshad* (daripada Arab) menjadi iktisad (apabila bahasa Melayu diRumikan mulai kurun ke-20) yang bermaksud pengurusan rumah tangga. Di Kelantan dan Terengganu masih ada “iktisad” dalam nama sebuah institusi kerajaan, Perbadanan Iktisad Negeri. Memang sepatutnya ekonomi sebuah bidang ilmu yang tumbuh berasaskan keperluan rumah tangga yang diperluaskan kepada daerah, negeri, negara, rantau dan dunia seluruhnya, iaitu untuk rakyat terbanyak, bukannya seperti yang berlaku sejak abad ke-20, ekonomi menjadi ilmu keperluan pemodal/kapitalis sahaja, atau golongan pemerintah/penguasa negara. Oleh itu isu keterlestarian memang tidak mampu diselesaikan menerusi ilmu ekonomi sebegini kerana isu di dalam keterlestarian itu banyak bertembung dengan nilai pemodalisme/kapitalisme itu. Ini sudah semacam semakin disedari oleh ahli ekonomi Barat hanya pada akhir-akhir abad ke-20 M sahaja seperti yang akan dibicarakan nanti.

Perkataan *economy* Inggeris itu berubah makna apabila muncul *political economy* dalam tahun 1650-an

dengan maksud “sumber dan kekayaan negara.” Inilah bermulanya pengabaian hal “rumah tangga” di dalam ilmu *economy* Inggeris dan diikuti dengan setianya oleh tanah jajahannya seperti dalam perkataan “ekonomi” itu.

Perkataan *economic(al)* muncul dalam 1590-an sebagai kata sifat daripada *economy*; dan bermakna jimat-cermat hingga sekarang, walaupun juga bermakna kata sifat *economics*, sejak munculnya *economics* itu dalam abad ke-19 itu. Perkataan *economics* itu berasal daripada Perancis *economique* daripada Latin: *oeconomicus* (bermakna berhubung dengan ekonomi domestik) daripada Yunani: *oikonomikos* (bermakna “yang diamalkan di dalam pengurusan rumah tangga dan keluarga”). Segi etimologinya, *economics* yang dipadankan juga dengan ekonomi itu memang asalnya “ilmu pengurusan rumah tangga” tetapi dengan kemunculan *political economy* itu menenggelamkan makna asal *economy/economics* itu. Tegasnya, perkataan ekonomi dan *economics* memang bukan ilmu yang berasaskan keperluan urusan rumah tangga tetapi kepada negara dan pemodal sahaja.

Sebelum Islam, ilmu ekonomi Melayu ialah *arthasastera* (hartasastera = penulisan berkenaan dengan harta/kekayaan) dan *dharmasastera* (penulisan berkenaan dengan pemerintahan, kepemimpinan dan kepengurusan). Kedua-dua bidangnya kita warisi daripada ilmu Hindia (dipengaruhi Hindu-Buddha) sejak abad ke-2 Masihi lagi. Karya bidang ini yang masyhurnya ialah berjudul *Arthasastera* oleh sarjana India bernama Kautilya yang hidup antara 350-283 SM yang dianggap penghasil karya tertua dalam bidang ekonomi; di dunia ini manakala karya dalam bidang *dharmasastera* yang lebih tua lagi daripada *Arthasastera* berjudul *Manu* atau *Manava Dharmasastera* (sebuah kitab suci Hindu yang diwarisi oleh guru-guru Hindu sejak 500 SM). Bagi Malayonesia (Pascabima, Nusantara, dll.) karya ini diketahui sekurang-kurangnya sejak abad ke-5 M lagi kerana bidang ini wujud dalam di dalam pengelasan ilmu Melayu Funan-Cenla dan Campa dalam abad tersebut.

Perkataan *economics* dalam bahasa penjajah lain di Asia Tenggara ini (rantau rumpun Melayu, Malayonesia) ialah *economia* dalam bahasa Portugis & Sepanyol; dan *economie* dalam bahasa Belanda & Perancis. Jikalau pun ada pengaruh istilah-istilah ini di dalam bahasa Melayu atau rumpun Melayu, rasanya tidaklah bererti berbezanya makna kata-kata itu dengan yang dibicara di atas itu kerana bahasa-bahasa ini adalah serumpun dengan bahasa Inggeris juga dari segi sumbernya, iaitu Latin, Jermanik dan Yunani.

Perkataan “ekonomi” kita sekarang sebenarnya gabungan makna *economy* dalam *political economy* dan *economics* itu. Kita sudah hilang nilai-nilai ilmu ini daripada warisan kita yang lebih awal, iaitu dalam *iqitshad*/iktisad, *arthasastera* dan *dharmasastera*. Nilai-nilai ini akan dicungkil dan dibicarakan lagi di dalam siri wacana ini dengan tujuan memperbaiki takrif ekonomi dan keterlestarian sekarang itu.

## KETERLESTARIAN SEBAGAI ILMU EKONOMI (MELAYU DAN BARAT)

Pewujudan suasana keterlestarian Barat melibatkan pengurusan alam kediaman kita dan makhluk alam ini, yang secara tradisi Baratnya ialah pengurusan alam sekitar, ekologi, dan sumber keperluan manusia dengan sebaik-baiknya. “Pengurusan dengan sebaik-baiknya” itulah yang menjadi perkara pokoknya di dalam keterlestarian. Hal sebegini memanglah bersesuaian dengan takrif ilmu ekonomi, iaitu ilmu yang berkira bicara tentang “peruntukan dan pengagihan sumber yang terhad dengan sebaik-baiknya”.

Ini bersesuaian pula dengan makna matematik, segi etimologinya (Shaharir 2008; 2010) “*Pembinaan Semula Teori Kepemimpinan dan Kepengurusan Rumpun Melayu*”, daripada *mathema* (Yunani) yang bermakna “memahami, menerangkan, menjelaskan, mentelaah, mengkaji, mempelajari, *menangani dan mengurus persekitaran tabii, sosial dan politik*”; dan *techne* (Yunani) yang bermakna teknik (yang melibatkan pelbagai kaedah sains, pemberfikiran, daya pengayaan dan sebagainya itu; (Shaharir dalam *Kesturi* 2010, “*Tabii Kaedah Sains*”). Yang menjadi masalahnya, kegiatan ahli matematik Barat sendiri pun banyak yang menyasar daripada takrif etimologinya ini, dan sarjana di tanah jajahannya juga demikian. Di Malayonesia ini, sebelum istilah matematik atau matematika muncul menerusi Inggeris dan Belanda, istilah yang dipakainya ialah dari separuh warisan Tamadun Islam, iaitu “ilmu hisab,” atau terjemahannya “ilmu hitung,” atau fahaman salah tentang ilmu ini lalu diistilahkan sebagai “ilmu pasti,” terutamanya di Indonesia. “Ilmu hisab” itu dianggap separuh warisan Tamadun Islam kerana dalam Tamadun Islam ada nama lain lagi bagi bidang yang banyak “hisab,” iaitu *‘ilm al-Riyadhaht*. (yang bermaksud ilmu pelatihan fikiran/aqal). Tidak hairanlah konsep *al-Riyadhaht* di dalam matematik tidak terjelma tetapi konsep hitung dan ketepatan itulah sahaja yang masuk dalam matematik mengikut kefahaman orang-orang Malayonesia hingga kini. Amat sedikit yang berfahaman, mengikut etimologi matematik/*mathematics* dan *al-Riyaadhaht*, bahawa sumber ilmu ini ialah kebudayaan (agama dan bahasa), lebih-lebih lagi kebudayaan sendiri, tetapi kononnya daripada mantik/lojik yang bebas nilai. Itulah sebabnya matematik sehingga kini, sama seperti ekonomi (walaupun sebab yang berbeza), tidak mampu menyelesaikan isu di dalam keterlestarian. Perubahan radikal kepada tabii matematik, sama seperti ekonomi, menjanjikan perubahan seperti yang sedikit dibayangkan di dalam bicara bawah ini.

Istilah “terbaik” atau “sebaik-sebaik” itu (ikut barat) sentiasa ditafsirkan dalam sebutan Latin, *optimus*, yang diInggeriskan (dan kemudian diMelayukan) sebagai “optimum” dan “optimal” bermakna “terbaik” tetapi diberi makna kuantitatifnya (matematikanya), iaitu situasi yang termudahnya (kuantiti yang diminati itu hanya satu

yang tunggal sahaja, iaitu matlamat tunggal) ialah yang bernilai melampau/ekstrim/ekstrimum (Latin), iaitu nilai tertinggi/maksimum (Latin), terendah/minimum (Latin), atau seimbang = tertinggi dan terendah serentak = keadaan titik pelana). Dalam kes kuantiti yang diminati itu berganda, iaitu multimatalamat, konsep optimum itu tetap direka sesuai dengan falsafah atau pandangan hidup ilmuwan berkenaan sehingga terciptalah berbagai-bagai konsep optimum yang dibicarakan kemudian. Ini semuanya memang boleh dipersoalkan jika seseorang menyedari dan menginsafi perbezaan falsafah atau pandangan hidup sendiri dengan yang tersemat di dalam konsep optimum atau optimal itu. Apa pun, oleh sebab ekonomi selalulah ditakrifkan sebagai ilmu pengoptimuman (secara langsung atau tidaknya), maka asal-usulnya dan implikasinya perlulah dibicarakan lagi di bawah ini.

## EKONOMI SEBAGAI ILMU MANUSIA RASIONAL

Ekonomi moden ini berasaskan pada andaian bahawa manusia ini adalah *Homo Economicus*. Mengikut Investopedia (internet), *homo economicus* ialah “*The rational human being that many economists use when deriving, explaining and verifying their theories and models. The basis for a majority of economic models is the assumption that all human beings are rational and will always attempt to maximize their utility – whether it be from monetary or non-monetary gains.*” (“Makhluk manusia rasional yang ramai ahli ekonomi imbau apabila mereka menerbitkan, menjelaskan dan mentahkikkan teori dan model mereka. Asas bagi kebanyakan model ekonomi adalah anggapan bahawa semua makhluk manusia adalah rasional dan sentiasa berusaha memaksimumkan utiliti mereka – waima daripada keuntungan kewangan atau bukan kewangan”)

Akan tetapi di dalam pengoptimuman Barat juga satu perubahan pertama radikal telah berlaku dalam separuh terakhir tahun 1950-an apabila Simon (1957) menerbitkan karya besarnya, *Models of Man*, yang berhujah manusia tidaklah rasional sepenuhnya tetapi rasional terbatas. Ini mengilhamkan Charnes dan Cooper (1961) menerbitkan konsep pengoptimuman gol dan matematikanya yang bukan lagi matematik pengoptimuman matlamat yang bermaharajalela di dalam ekonomi dan pengurusan sebelum itu, bahkan hingga kini pun). Bukan itu sahaja, keputusan yang bagus sering yang tak rasional, berasaskan intuisi dan kebijaksanaan semakin diiktiraf.

Segi Islam, manusia sering digambarkan tidaklah selalu rasional atau menggunakan aqal atau fikiran sehingga seringlah Allah mengungkapkannya kata-kata “tidakkah kamu berfikir?,” dan “tidakkah kamu bertaakul?.” Islam memang memandang tinggi kepada peranan *wijdan* (intuisi), dan hikmah (kebijaksanaan),

bahkan ditegaskan manusia *natiq* (rasional) boleh menjadi lebih rendah daripada haiwan (seperti yang dinyatakan di dalam *Suraht al-Tin* itu). *Al-Qur'an* juga menyenaraikan 22 sifat azali manusia (Shaharir 2010) yang kebanyakannya tak rasional berada di tahap *nafs amarah* (tahap terendah dalam hierarki keperluan manusia mengikut *al-Qur'an*, iaitu dua lagi ialah *nafs lawwamaht* dan *naf mutdmainnaht*). Islam juga meletakkan *wijdan* dan hikmah di tempat yang lebih tinggi daripada hanya sekadar pemikiran.

Cabaran kepada sarjana kini ialah bagaimana membina ekonomi dan matematik bukan *homo economicus*?

#### EKONOMI PEMBANGUNAN, PEMBANGUNAN TERLESTARIKAN

Ekonomi selepas perang dunia kedua ialah “ekonomi pembangunan”, iaitu ekonomi (asalnya untuk membangun semula negara-negara Eropah yang hancur-musnah akibat Perang Dunia II itu) yang disukat prestasinya menerusi kadar pertumbuhan dan sukatan utamanya ialah KDNK/GDNP. Program ekonomi ini didukung (secara sukarela atau paksa) oleh negara-negara baru merdeka daripada penjajah Eropah.

Sejarah ekonomi pembangunan ialah sejarah kegagalannya (matlamatnya tidak pernah tercapai!) tetapi tetap diteruskan bukan sahaja oleh negara-negara yang terjajah kerana itulah yang diketahuinya menguntungkan golongan pemerintah negara berkenaan, tetapi itulah yang disyorkan oleh Bank Dunia, *IMF*, *ILO* dan badan-badan ekonomi lain (serantau) di bawah tajaan PBB atau institusi anak buahnya! Antara hasil ekonomi pembangunan yang ketaranya ialah;

1. KDNK yang tinggi tidak dapat menunjukkan pendapatan sebenar rakyatnya kerana taburannya amatlah pencong; oleh itu tidak hairanlah tidak menunjukkan tahap kebahagiaan rakyat terbanyak. Kajian demi kajian menunjukkan “yang kaya semakin beraya dan yang sesak semakin terasak,” jurang kekayaan semakin meluas.
2. Pertumbuhan ekonomi yang tinggi tidak dapat menjadi penuding kebahagiaan rakyat negara terbanyak di negara berkenaan.
3. KDNK meningkat tetapi mutu alam sekitar dan yang berhubung dengannya semakin teruk merosotnya sehingga banyaklah unsur-unsurnya yang pupus sama sekali. Tidak hairanlah pembangunan sudah dipersetujui umum di kalangan sarjana ialah bertentangan dengan keterlestarian.

Amatlah sedikit unsur-unsur kebudayaan yang lebih bermakna dan menyeluruh tentang manusia yang disukat bagi menandakan aras pembangunan seseorang atau sesebuah negara. Umpamanya tiada indeks yang berhubung dengan pembangunan ilmu atau teknologi.

Oleh itu, ada banyak Negara Maju yang tiada sarjana yang boleh dibanggakan, tetapi ada negara miskin atau membangun yang melahirkan pemenang Hadiah Nobel dalam fizik, atau kesusasteraan umpamanya (walau pun tidak termasuk Hadiah Nobel Keamanan!).

Pun begitu, hingga kini pun kelestarian dianggap tercapaian apabila kadar pertumbuhan mencapai tahap optimum. Tahap ini tercapai menerusi pengoptimuman prestasi ekonomi berpemboleh ubah kadar pertumbuhan tertakluk kepada kekangan ekonomi semasa (teori pertumbuhan ekonomi, sumber ekonomi, alam sekitar, undang-undang dan sebagainya). Bentuk pertama masalah ini ialah yang diutarakan oleh Ramsey pada tahun 1929 dan penambahbaikannya hingga yang akan dibicarakan di dalam siri wacana ini selanjutnya.

Sedar dan insaf akan kelemahan ilmu ekonomi (sudah ada sarjana ekonomi sendiri mengecap ilmu ini sebagai ilmu yang gagal!) khasnya ekonomi pembangunan itulah maka PBB (Bank Dunia, *IMF* dll. itu) juga mengubah indeks ekonomi pembangunan kepada indeks ekonomi pembangunan manusia sejak 1990 yang diketuai oleh Amartya Sen (Pemenang Hadiah Nobel bidang ekonomi kebajikan 1998) yang tidak lagi menjadi pertumbuhan ekonomi dan KDNK sebagai indeks yang penting dalam pembangunan tetapi menggantikannya dengan beberapa indeks yang dianggap membangun tahap kemanusiaan, iaitu pendidikan, kesihatan, kebebasan, kesamaan,.... Pengurusan “terbaik” dalam hal-hal inilah yang diperakukan oleh badan dunia ini untuk keterlestarian. Ternyata, tiadalah perubahan yang bermakna kepada manusia atau negara yang melakukan program pembangunan mengikut cita rasa PBB ini. Ini pun akan dibicarakan lagi di dalam wacana ini kelak.

Pendekatan lainnya, ialah menerusi pengecaman penuding/pengindikasi dan indeks keterlestarian dan pungutan data (dan penerapan kaedah statistik) untuk tujuan pengetahuan indeks-indeks tersebut. Kegiatan ini dipengaruhi hebat oleh teori ekonomi yang tak serasi dengan kehendak keterlestarian.

Pada amnya, pendekatan keterlestarian oleh *homo economicus* ini tidak begitu berjaya sehingga Bartlemus (2008) menonjolkan istilah *eco-nomics* ciptaan Postel (1990) bagi menggantikan *economics* yang dianggapnya gagal menangani keterlestarian.

Perkataan *eco-nomics* dikatakan pertama kalinya ditempa oleh Sandra Postel (1990) dalam makalahnya yang memecah tradisi itu “Towards a new “Eco”-Nomics,” *WorldWatch Magazine*, Sept-Oct; dan digunakan oleh Peter Bartelmus (2008), sebagai judul bukunya yang cukup kritis dan mencabar pembaca dengan pelbagai persoalan itu, “*Quantitative Eco-nomics. How Sustainable are our Economics?*” Kegagalan “ekonomi pembangunan” yang tidak mempedulikan alam sekitar itu menyebabkan munculnya istilah *Eco-nomics* itu, selain daripada sukatan “pembangunan” yang tidak tepat bahkan menyasar yang banyak contoh diberi oleh Postel itu.

Bartelmus (2008: 43) mentakrifkan *eko-nomik/economics* sebagai “bidang baru ekonomi yang berbicara hal yang melampaui pasaran untuk menangani perihal perkhidmatan persekitaran langka yang tidak dipasarkan”. Berikut ini ialah petikan daripada sebuah laman kumpulan yang memperjuangkan *Eco-Nomics* di AS:

*Eco-Nomics represents a large and growing group of like-minded individuals who are concerned about the preservation of our home (the earth), and with that, what little American Freedom we have left – using a peaceful, earth friendly, economical approach.*

*Our mission is to help build strong, independent families which are free of financial obligation... and thereby free of the necessity of money to survive and live in comfort in societies of man. American society nearly forces us to place our faith in money and the systems of man before those of God and Nature, making us dependent upon this man made “system” for our very survival. However we believe this can be changed by way of environmentally sustainable, economical and self-sufficient living practices... vital steps towards Independence, which is the very Definition and Foundation of True Freedom.*

Sumber: <http://www.eco-nomics.info/>

*Terjemahan: Eko-Nomik mewakili kumpulan individu yang berfikiran yang sama yang besar dan membesar yang prihatin tentang pemuliharaan rumah kediaman (bumi) kita ini, dan dengan itu, bagaimana sedikit pun Kebebasan Amerika yang masih ada – menggunakan pendekatan aman, mesra bumi, dan cermat.*

*Misi kami ialah tolong membina famili yang kuat, merdeka yang bebas daripada hutang (tanggungan kewangan) ... dan dari keadaan itu bebas daripada keperluan wang untuk bermandiri dan hidup dalam selesa di dalam masyarakat manusia. Masyarakat Amerika hampir-hampir memaksa kita meletakkan kepercayaan kita kepada wang dan sistem manusia menggantikan Tuhan dan Tabii, menjadikan kita bersandarkan “sistem” buatan manusia ini benar-benar untuk kemandirian kita. Namun kami percaya ini boleh diubah dengan cara amalan hidup terlestarikan, jimat-cermat dan swa-cukup ... langkah penting ke arah kemerdekaan, yang benar-benar berupa Takrif dan Landasan Kebebasan Sejati.]*

## KESIMPULAN

Dengan kegagalan “ekonomi pembangunan” muncul pelbagai ekonomi selain daripada Eko-Nomik itu, seperti yang dibicarakan oleh Shahrir (2008), “Ekonomi Pembangunan Lwn Ekonomi Kebahagiaan” (*Jurnal Kajian Ketamadunan* 2008: 1-45). Antara Ekonomi Pembangunan dengan Ekonomi Kebahagiaan itu ialah Ekonomi Kebajikan Sosial (yang terkenal dengan Indeks Pembangunan Manusia), Ekonomi Kekayaan (Perluasan sukatan KDNK), Ekonomi Keadilan dan Ekonomi Kemakmuran (berasaskan Pengoptimuman), Ekonomi Kesejahteraan (peduli alam sekitar dan kesihatan) dan Ekonomi Keterlestarian (yang dipopularkan oleh Forum Ekonomi Dunia dan beberapa prakarsa PBB seperti Kemuncak Bumi dan

Gol Pembangunan Alaf PBB); Ekonomi Kebahagiaan dan yang kami baru perkenalkan Ekonomi *Kewustdoan* yang merentasi Ekonomi Kesejahteraan, Ekonomi Keterlestarian dan Ekonomi kebahagiaan ini. Mungkin sekali kita perlu takrif ilmu ekonomi yang baru lagi, bukannya *eko-nomik* yang mengelirukan dan masih tidak mencakupi dan mencukupi itu. Kita perlu menyelidik tentang kebahagiaan di negara kita sendiri kerana setakat ini penyelidikan hanya selalu dibuat di luar negara kita oleh sarjana-sarjana di luar negara kita sahaja. Contohnya penyelidikan oleh Diener & Seligman (2004) mengutarakan soalan “Adakah anda puas hati dengan kehidupan anda?” dengan memberi markah 1 (paling tak puas) hingga 7 (paling puas). Mereka ini mendapati serijutawan/bilionawan, Amish di AS, dan Inuit di Greenland sama markahnya, iaitu 5.8; Masai 5.7; Sweden 5.6; gelandangan (orang tanpa rumah) di Amerika Syarikat dan Calcutta 2.9. Nilai ambang per kapita ialah AS\$16,000, iaitu kebahagiaan seseorang tidak berubah lagi selepas pendapatan ini. Yang menariknya Bhutan dan Costa Rica lebih bahagia daripada United Kingdom, Amerika Syarikat, dan Jepun; Cuba dan China/Tiongkok lebih bahagia daripada Jepun; dan India jauh lebih bahagia daripada Rusia. Memang kata-kata hikmat “wang tak boleh beli bahagia” ada kebenarannya!. Ekonomi untuk kebahagiaan (Shahrir 2008) menunjukkan ilmu ekonomi semakinlah sarat nilai. Ekonomi sekarang memanglah sarat nilai tetapi agak sukar juga mencungkilkannya kerana diselaputi oleh fatamorgana objektifnya matematik sehingga ilmu ini banyak juga yang sudah tersalah perhitungannya lalu menganggapnya sebagai ilmu bebas nilai, yang natijahnya, antara lainnya, kononnya oleh sebab ilmu ini nampaknya baik untuk AS, maka tentunya baik juga untuk kita, walaupun kita sebenarnya mempunyai sistem nilai yang amat berbeza daripada sistem nilai orang AS.

Sementara itu, konsep “terbaik” dan “bahagia” kita memang berbeza dengan orang Amerika atau orang yang berkebudayaan lain daripada kita tetapi selama ini kita mengabaikan sahaja kebudayaan dan bisikan hati kita lalu tertidurlah kita di dalam lamunan ilmu daripada acuan kebudayaan lain itu. Siri wacana ini diharapkan dapat menyergah mereka yang sedang tidur dibuai mimpi itu!.

## RUJUKAN

- Bani Noor M. & Ira Mentayuni. 2004. Model pelestarian arsitektur berbasis teknologi informasi. Studi kasus: Arsitektur Tradisional Suku Banjar. *Dimensi Teknik Asitektur* 32(2): 95-101.
- Bartelmus, P. 2008. *Quantitative Eco-nomics: How Sustainable are Our Economies?* Springer.
- Charnes, A. & Cooper, W. W. 1961. *Management Models and Industrial Applications of Linear Programming*. New York: Wiley
- Diener, E. & Seligman, M. 2004. Beyond Money: Towards an economy of well-being. *Psychological Sciences in the Public Interest* 5(1): 1-31.

Fatimah, H. & Fauziah, C. L. 2007. Pembangunan pelancongan lestari di FELDA gugusan Trolak: Satu analisis. Kertas kerja yang dibentangkan di *Seminar Kebangsaan Geografi 2007* anjuran Jabatan Geografi, FSSK & UPSI. 8-9 September.

*Kamus Besar Bahasa Indonesia.*

*Kamus Dewan.* Edisi Ketiga 1994. Kuala Lumpur: DBP

KBBI, *Kamus Besar Bahasa Indonesia.*

KD, *Kamus Dewan.*

Kusumawijaya, M. 2009. Lestari dan Berkelanjutan 14-20 Disember 2009. (atas talian). <http://rujak.org/2009/12/lestari-dan-berkelanjutan/>. (12 April 2011).

Postel, S. 1990. Towards a new "Eco"-Nomics". *WorldWatch Magazine* Sept-Oct 1990. (atas talian). [http://www.cooperativeindividualism.org/postel-sandra\\_toward-a-new-economics.html](http://www.cooperativeindividualism.org/postel-sandra_toward-a-new-economics.html). (20 April 2011).

Shaharir, M. Z. 2006. Pendekatan baru terhadap konsep optimum Barat dan beberapa konsep optimum baru dalam acuan sendiri. *Kesturi* 16(1&2): 55-96.

Shaharir, M. Z. 2008. Ekonomi Pembangunan Lwn Ekonomi Kebahagiaan. *Jawhar. Jurnal Kajian Ketamadunan* Jun/Julai 5(1): 1-45.

Shaharir, M. Z. 2010. *Pembinaan Semula Teori Kepemimpinan dan Kepengurusan Rumpun Melayu*. Suntingan ke-2. Kuala Terengganu: UMT.

Simon, H. 1957. *Models of Man*. John Wiley.

Atas talian:

<http://www.eco-nomics.info/>

<http://hinduism.about.com/od/basics/a/dharma.htm>

Shaharir Mohd Zain, Prof. (Ph.D)

Pusat Dialog Peradaban

Universiti Malaya

Kuala Lumpur

Emel: riramzain@yahoo.com